



BAHAGIAN PENYELIDIKAN & INOVASI  
RESEARCH & INNOVATION DIVISION



# **PERATURAN PELANTIKAN & PERKHIDMATAN STAF SAMBILAN PROJEK/GERAN (SPG)**

## **UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

Tarikh Kemaskini: JUN 2010

# **PERATURAN PELANTIKAN DAN PERKHIDMATAN STAF SAMBILAN PROJEK/ GERAN (SPG) UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

## **1. LIPUTAN**

Peraturan ini hanya melibatkan/digunapakai oleh/dikuatkuasa ke atas staf sambilan projek/geran/ pembantu pelajar yang dilantik dan dibiayai emolumen mereka menggunakan Geran Penyelidikan (Universiti, Agensi Kerajaan dan Agensi Luar) setelah diperakukan Ketua Projek.

## **2. BIDANG KUASA**

- 2.1 Bagi semua pelantikan staf sambilan projek/geran/ pembantu pelajar mestilah melalui persetujuan dan perakuan Ketua Projek Geran Penyelidikan.
- 2.2 Pelantikan baru staf sambilan projek/geran/pembantu pelajar mestilah melalui permohonan **i-RoRa** serta mengikut keperluan Ketua Projek untuk kepentingan geran penyelidikan tersebut.

## **3. TARAF STAF SAMBILAN PROJEK/GERAN/PEMBANTU PELAJAR**

Semua staf projek adalah **staf sambilan** yang dilantik melalui Universiti Sains Malaysia dan **tidak dianggap** sebagai staf tetap Universiti Sains Malaysia. Pelantikan ini tiada kaitan dan tidak tertakluk dengan skim jawatan / pelantikan (HRMS) USM yang diiklankan melalui e-recruit.

Kapasiti pembantu pelajar merupakan pelajar USM yang masih belum bergraduasi dan tidak dinggap sebagai staf tetap USM.

Semua pelantikan ini tiada kaitan dan tidak tertakluk dengan skim jawatan / pelantikan (HRMS) USM yang diiklankan melalui e-recruit.

#### 4. SURAT TAWARAN DAN PENYATA EMOLUMEN (GAJI)

Surat Tawaran Pelantikan/ Kenyataan Emolumen yang menggunakan kepala surat RCMO, urusan gajinya akan diuruskan oleh bahagian ini.

#### 5. SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN

##### 5.1 GAJI

Calon yang berjaya mestilah ditawarkan gaji berpandukan tangga gaji skim yang diluluskan oleh Universiti serta mengikut Gred jawatan yang dipohon. Tangga gaji jawatan yang mungkin berkaitan di bawah projek penyelidikan adalah seperti berikut dan tertakluk kepada kriteria dan syarat geran penyelidikan yang ditawarkan oleh pihak penaja serta sebarang pelarasan/ pindaan gaji oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

JAWATAN	GAJI SEBULAN /HARI (RM)	IMBUHAN TETAP AWAM (ITKA) (RM)	BANTUAN SARA HIDUP (COLA) (RM)	JUMLAH KASAR (RM)	JUMLAH YANG PERLU DIBAYAR OLEH STAF PROJEK KEPADA KWSP (11%) & PERKESO			JUMLAH BERSIH/ SEBENAR (RM)
					KWSP (RM)	PERKESO (RM)	JUMLAH (RM)	
Pegawai Penyelidik (Sarjana - N41) <i>Master</i>	2,052.08 / 82.08	300.00 / 12.00	300.00 / 12.00	<b>2,652.08 / 106.08</b>	293.00	13.25	306.25	<b>2,345.83</b>
Pegawai Penyelidik (Ijazah - N41)	1,871.18 / 74.84	300.00 / 12.00	300.00 / 12.00	<b>2,471.18 / 98.84</b>	273.00	12.25	285.25	<b>2,185.93</b>
Pen. Peg. Penyelidik (Diploma - N27)	1,470.75 / 58.83	160.00 / 6.40	300.00 / 12.00	<b>1,930.75 / 77.23</b>	214.00	9.75	223.75	<b>1,707.00</b>
Pen. Peg. Penyelidik (STPM - N27)	1,204.55 / 48.18	160.00 /	300.00 / 12.00	<b>1,664.55 / 66.58</b>	185.00	8.25	193.25	<b>1, 471.30</b>
Pembantu Penyelidik (SPM - N17)	820.38 / 32.81	115.00 / 4.60	300.00 / 12.00	<b>1,235.38 / 49.41</b>	137.00	6.25	143.25	<b>1,093.13</b>
Pembantu Tadbir Perkeranian (SPM - N17)	820.38 / -	115.00 / -	300.00 / -	<b>1,235.38 / -</b>	137.00	6.25	143.25	<b>1,093.13</b>
Pembantu Makmal (SPM - C17)	824.91 / -	115.00 / -	300.00 / -	<b>1,239.91 / -</b>	137.00	6.25	143.25	<b>1,093.13</b>
Pembantu Projek (SPM)	625.00 / -	-	-	<b>625.00 / -</b>	71.00	3.25	74.25	<b>550.75</b>
Pembantu Pelajar	- / 25.00	-	-	<b>625.00 (25 x 25 Hari)</b>	71.00	3.25	74.25	<b>550.75</b>

## **5.2 KAJIAN SEMULA GAJI / KENAIKAN GAJI**

Kajian semula gaji boleh dipertimbangkan setelah genap tiap tahun perkhidmatan (12bulan), tertakluk kepada pretasi perkhidmatan yang memuaskan dan kemampuan peruntukan projek untuk membayarnya. Seboleh-bolehnya Ketua Projek hendaklah mengambil kira/ memastikan tambahan kenaikan gaji sekiranya pelantikan dibuat melebihi daripada 1 tahun. Staf sambilan projek/ geran/ pembantu pelajar tidak secara automatik berhak menggunakan kenaikan gaji tahunannya dari satu projek ke projek yang lain.

## **5.3 TEMPAT KERJA**

Staf sambilan projek/geran/pembantu pelajar dikehendaki berkhidmat di tempat sepertimana yang ditentukan oleh Ketua Projek atau RCMO. Tempat kerja boleh diubah mengikut kehendak projek/Ketua Projek/RCMO dari semasa ke semasa.

## **5.4 PENAMATAN PERKHIDMATAN**

Selepas permulaan perkhidmatan, sama ada pihak Universiti ataupun pihak staf tidak boleh menamatkan perkhidmatan melainkan (bermula dari tarikh lapor diri sehingga mana-mana tempoh perkhidmatan semasa) dengan notis bertulis atau gaji sebagai ganti notis.

Tempoh pemberian notis dari mana-mana pihak atau banyaknya gaji yang patut dibayar sebagai ganti notis bergantung kepada jenis pelantikan.

### **5.4.1 PELANTIKAN HARI KE HARI (BERGAJI HARIAN)**

Notis bertulis yang secukup iaitu tidak kurang dari **7 hari** mengikut kiraan kalendar atau **7 hari gaji** sebagai ganti notis diperlukan.

#### **5.4.2 PELANTIKAN BULAN KE BULAN (BERGAJI BULAN)**

Notis bertulis yang secukupnya iaitu tidak kurang dari 30 hari atau 1 bulan gaji sebagai ganti notis diperlukan.

Sekiranya seseorang staf tidak hadir bekerja selama 3 hari berturut-turut tanpa alasan yang memuaskan, ini dianggap sebagai peletakan jawatan tanpa notis bertulis dan akan dikehendaki membayar balik gaji seperti di Bahagian (5.4)- Penamatan Perkhidmatan.

Semua surat peletakan jawatan mesti dihantar kepada Pegawai RCMO melalui Ketua Projek dan mendapat perakuan daripadanya.

#### **5.5 PEMERIKSAAN DOKTOR**

Semua staf yang tempoh pelantikannya melebihi 6 bulan akan dikenakan syarat pemeriksaan doktor semasa ditawarkan berkhidmat di Universiti Sains Malaysia.

#### **5.6 CUTI REHAT**

Kelayakan untuk cuti tahunan adalah sebanyak 7 hari setahun berasaskan kiraan pro-rata tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan dan kelulusan (Pekeliling Perkhidmatan Bil. 17 Tahun 2007).

#### **5.7 CUTI BERSALIN**

Mengikut Pekeliling Perkhidmatan USM Bilangan 1 Tahun 1998, staf yang dilantik secara **SAMBILAN, KONTRAK DAN SEMENTARA tidak layak** mendapat kemudahan ini serta ianya berkuatkuasa mulai 1 Mei 1998.

## 5.8 KELAYAKAN AKADEMIK UNTUK PERMOHONAN STAF PROJEK

### KELAYAKAN AKADEMIK JAWATAN DIPOHON (BULANAN & HARIAN) KUATKUASA JULAI 2007

JAWATAN	GRED	KELAYAKAN	*TANGGA GAJI PERMULAAN (RM)
Pegawai Penyelidik	N41	Sarjana (Master)	2052.08
Pegawai Penyelidik	N41	Ijazah	1871.18
Pen. Peg. Penyelidik	N27	Diploma	1470.75
Pen. Peg. Penyelidik	N27	STPM	1204.55
Pembantu Penyelidik	N17	SPM	820.38
Pembantu Tadbir Perkeranian	N17	SPM	820.38
Pembantu Makmal	C17	SPM	824.91
Pemb.Tadbir Rendah	N11	SPM	709.59
Pembantu Projek		SPM	625.00
Pembantu Pelajar		SPM	25.00 SEHARI

\*Tertakluk kepada sebarang pelarasan/pindaan gaji oleh JPA

## 6. KEMUDAHAN DAN KEISTIMEWAAN

### 6.1 FAEDAH PERUBATAN

Faedah perubatan adalah untuk staf sahaja. Bagi lantikan kurang dari 3 bulan, faedah perubatan adalah dari Hospital Kerajaan manakala bagi lantikan melebihi 3 bulan hingga 1 tahun adalah di Pusat Sejahtera dan HUSM/Hospital Kerajaan.

Untuk tujuan ini, tiap-tiap projek yang dibiayai oleh Agensi Luar adalah dikehendaki menyumbang RM100.00 bagi setiap seorang staf tiap-tiap bulan kepada Tabung Kesihatan/Pusat Sejahtera.

## **6.2 KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA**

Semua staf dikehendaki membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atas kadar 11% daripada gaji bulanan. Pihak majikan pula akan mencarumkan kepada tabung tersebut atas kadar 12%. Kadar caruman KWSP juga tertakluk kepada pindaan kerajaan dari semasa ke semasa.

## **6.3 SKIM PERKESO**

Staf projek dikehendaki membuat caruman kepada PERKESO setiap bulan mengikut kadar yang sedang berkuatkuasa.

## **7. GAJI UNTUK PEMBANTU PELAJAR**

Kadar bayaran dan unit masa bayaran mestilah seragam di antara satu projek ke satu projek. Unit masa yang ditetapkan adalah gaji harian dengan kadar **RM25.00 sehari**.

## **8. PERLEMBAGAAN, STATUT, AKTA & PERATURAN UNIVERSITI**

Pelantikan ini adalah tertakluk kepada Perlembagaan, Statut-Statut, Akta-Akta dan Peraturan-Peraturan Universiti dan kepada apa-apa tambahan, perubahan atau pindaan sebagaimana yang dibuat ke atas dokumen-dokumen tersebut dari semasa ke semasa yang berkuatkuasa bermula pada tarikh staf menerima tawaran pelantikan.

## **9. PINDAAN PADA GARIS PANDUAN PERATURAN INI**

Universiti Sains Malaysia berhak membuat apa-apa pindaan kepada syarat-syarat dan peraturan-peraturan perkhidmatan ini dari masa ke semasa tanpa sebarang notis dan prejudis.